



Sosialisasi Agama di Kalangan Pelajar-pelajar Sekolah Agama di Selangor

Jaffary Awang

Rozmi Ismail

Kamaruddin Salleh

Hairunnizam Wahid

ABSTRAK

Sosialisasi agama merupakan satu proses penyerapan dan penghayatan nilai-nilai agama dalam kegiatan seharian. Prasyarat kepada penghayatan tersebut adalah pengetahuan berkaitan dengan nilai-nilai agama dan persekitaran yang mendokong kepada pembentukan perlakuan yang positif, khususnya di kalangan para pelajar. Artikel ini akan membincangkan proses sosialisasi yang berlaku di kalangan para pelajar di sekolah-sekolah menengah agama terpilih di Selangor yang dikelolakan di bawah Jabatan Agama Islam Selangor. Kajian ini menggunakan pendekatan secara lapangan dengan edaran soal selidik di kalangan para guru bagi memperolehi pandangan mereka mengenai proses sosialisasi pelajar. Di samping pendekatan analisis kandungan terutamanya dalam membincang konsep sosialisasi dan hubungannya dengan pengetahuan. Untuk itu artikel ini akan membincangkan pertama, konsep sosialisasi agama di kalangan pelajar. Kedua, hubungan antara pengetahuan dengan sosialisasi agama. Ketiga, hubungan sosialisasi dengan pembentukan identiti diri pelajar. Perbincangan ini merumuskan bahawa, pengetahuan dan perlakuan serta persekitaran mempengaruhi proses sosialisasi pelajar serta menentukan bentuk identiti diri pelajar.

Kata kunci: Sekolah agama, sosialisasi agama, persepsi guru, regresi logistik

Pendahuluan

Sosialisasi agama merupakan satu proses yang melibatkan hubungan antara pengetahuan, persekitaran dan pemikiran serta perlakuan. Interaksi antara komponen-komponen ini akhirnya membentuk watak dan diri seseorang individu yang disebut sebagai pembentukan identiti. Dalam konteks pelajar, faktor persekitaran sekolah serta hubungan yang berlaku antara murid dan guru, murid dengan murid dan kegiatan pembelajaran baik sewaktu dalam bilik darjah atau semasa kegiatan luaran sebenarnya mempengaruhi diri dan pemikiran. Dalam konteks perbincangan kertas kerja ini, penulis akan menumpukan terhadap hubungan epistemologi Islam terhadap pemikiran dan perlakuan pelajar yang merupakan satu proses sosialisasi.

Konsep Sosialisasi Pelajar

Sekolah merupakan salah satu tempat berlakunya pertembungan, asimilasi dan pembentukan watak dan pemikiran seseorang pelajar. Melalui interaksi dan komunikasi antara pelajar dengan pelajar atau antara pelajar dengan para guru, sebenarnya memberi kesan pembentukan diri yang mantap. Demikian juga dengan sekolah agama yang menjadikan pendidikan Islam sebagai asas dalam membina karakter serta watak para pelajar. Proses ini dikenali sebagai proses sosiolalisasi yang secara khusus dapat disebut sebagai proses sosiolalisasi agama. Secara umumnya sosiolalisasi agama membabitkan faktor budaya kelompok dan pengetahuan agama Islam sebagai sumber yang bersifat murni. Dalam menjelaskan konsep sosiolalisasi pelbagai definisi telah dikemukakan oleh para penyelidik sosial.

Bogardus umpamanya mendefinisikan sosiolalisasi sebagai “process of working together, of developing group responsibility, or being guided by the welfare needs of others”. Ini bererti sosiolalisasi merupakan proses seseorang individu menempatkan dirinya dalam sesebuah

masyarakat agar kehadirannya memberi makna atau kesan.(R.K.Merton,1968, p.287) Adapun kesan kewujudan dirinya itu bukan sekadar memberi nilai pada diri tetapi juga pada masyarakat. Justeru itu, proses sosialisasi juga dianggap sebagai satu bentuk atau kaedah bagaimana seseorang individu menyesuaikan dirinya dengan nilai-nilai serta norma-norma yang ada dalam masyarakat.

Secara lebih luas sosialisasi menjadi satu mekanisme untuk berlakunya pemindahan sesuatu budaya atau peraturan bagi seseorang individu untuk ianya diterima dalam sistem yang sedia ada dalam masyarakat. Sementara Lundberg menegaskan sosiolisasi sebagai satu proses interaksi yang berlaku dalam masyarakat di mana seseorang individu akan mempelajari tingkah laku, kepercayaan, kemahiran dan nilai penghukuman bagi tindakan-tindakan yang berlaku. Melalui proses ini maka penyertaan seseorang individu dalam sebuah masyarakat akan benar-benar memberi erti dan akhirnya ia akan diterima sebagai sebahagian daripada anggota masyarakat. (Shankar Rao, 2006)

Berdasarkan perbincangan dan definisi tersebut, menunjukkan sosialisasi sebagai satu proses bagi membentuk identiti individu dan masyarakat. Dalam konteks pembentukan identiti, prosesnya biasa berlaku dalam dua keadaan. Pertama dikenali sebagai proses yang datang dari pihak atasan seperti pemerintah yang menentukan bentuk dan pola identiti. Kedua, proses pembentukan yang berlaku dari peringkat bawahan iaitu masyarakat sendiri yang menentukan bentuk kehidupan mereka. Bagi seseorang individu, kedua-dua bentuk itu lazimnya berlaku kepada diri seseorang. Ini kerana sewaktu ia berada dalam kelompoknya, mereka akan mematuhi dan akur kepada sistem dan nilai yang dihayati oleh masyarakat tersebut. Akan tetapi apabila ia berinteraksi pada peringkat nasional lazimnya ia akan mematuhi nilai dan peraturan yang dapat diterima oleh semua kelompok.

Epistemologi Islam dalam Pendidikan


Istilah epistemologi pertama kali digunakan oleh J.F. Ferrier pada tahun 1854. Secara etimologi, epistemologi berasal dari bahasa Yunani “episteme” yang bererti ilmu, dan “logos” yang bererti teori, uraian atau alasan yang dikemukakan secara sistematik. Berhubung dengan pengertian dalam bidang falsafah ilmu, lebih tepat apabila “logos” diterjemahkan sebagai teori-teori. Jadi epistemologi dapat diertikan sebagai teori tentang ilmu, yang dalam bahasa Inggerisnya adalah *theory of knowledge*. Maksud khususnya adalah teori tentang ilmu yang membahaskan ilmu itu dan bagaimana ilmu diperolehi. Persoalan ini dikemukakan sebagai *preamble* kepada diskusi pengkaji tentang kajian ini.

Dalam konteks kajian, persoalan epistemologi dan keberkesanan pengajaran seorang guru mempunyai kaitan yang rapat. Ini kerana perbezaan epistemologi yang difahami oleh seseorang ketika menuntut ilmu atau tanggapannya terhadap ilmu seperti sains dan teknologi, fardhu ain dan fardhu kifayah serta ilmu dari dunia Barat akan mempengaruhi tahap keberkesanan pengajarannya. Epistemologi yang pengkaji maksudkan dalam kajian ini ialah mengenai bagaimana sesuatu ilmu itu diperolehi dan ditakrifkan. Dengan lain perkataan perbezaan memahami dan menggunakan metodologi yang diaplikasikan ketika dalam usaha untuk mentakrifkan sesuatu ilmu akan menghasilkan takrifan yang berbeza terhadap sesuatu ilmu. Malah lebih ekstrim daripada itu, berlainan metodologi juga bermakna jika sesuatu ilmu itu tidak boleh dibuktikan melalui metodologi tertentu yang telah dipelajari dan diketahui oleh seseorang ilmuan itu akan mengakibatkan sesuatu ilmu tidak dapat diiktiraf sebagai suatu ilmu malah sebaliknya hanya akan dianggap sebagai sesuatu yang tidak memberi makna apa-apa (*meaningless*).

Pada hakikatnya terdapat dua proses yang menyebabkan berlakunya perbezaan pandangan tersebut iaitu: pertamanya proses pemerolehan ilmu, kedua, proses pembentukan dua kerangka pandangan dunia yang berbeza, dalam konteks yang lebih luas. Dalam proses yang pertama dalam ilmiah di Malaysia sudah didokotomikan semenjak kedatangan penjajah dari Barat khususnya penjajah Inggeris, di mana ilmu dipecahkan kepada dua kelompok Islam dan sekular atau disebut sebagai dualisme ilmu. Ini jelas dalam sistem pendidikan awal di Malaysia. Implikasinya terbentuk pandangan kedua yang berasaskan kepada kerangka pemikiran dari dunia Barat moden yang menolak aspek ketuhanan, ruh dan aspek keagamaan umum. Berdasarkan pendekatan ini sesuatu yang benar mestilah dapat dibuktikan melalui kaedah saintifik dan eksperimen. Apabila


pendekatan ini menjadi sebagai teras kepada tradisi keilmuan, membawa kepada pemecahan dan pembahagian kepada ilmu-ilmu saintifik dan non saintifik yang berpisah dan berbeza.

Bergantung kepada apakah bentuk epistemologi-epistemologi yang dipelajari dan dialami oleh seseorang maka pengkaji percaya setiap apa yang dipelajari itu akan memberi impak besar ke atas kehidupan baik dari segi cara berfikir yang seterusnya akan dimanifestasikan menerusi gerak laku. Begitulah halnya dengan kedua-dua epistemologi di atas. Sementara contoh rajah pembentukan epistemologi antara metodologi saintifik dan bukan saintifik yang dipetik: (Shamsul Amri Baharuddin, 2001, p.29)



Rajah 1: Kerangka Falsafah Ilmu (Shamsul Amri Baharuddin, 2001,p.29)

Rajah kedua pula berkedudukan begini;



Rajah 2: Kerangka Pemikiran Kehidupan (Shamsul Amri Baharuddin, 2001, p.29)

Permasalahan Kajian

Minat dan kecenderungan masyarakat terhadap sekolah agama kelihatan begitu menggalakkan. Ini berdasarkan kepada permohonan yang mengatasi tempat yang disediakan oleh pihak sekolah. Fenomena ini berlaku bukan sahaja di sekolah yang dikendalikan oleh pihak kerajaan baik persekutuan maupun negeri, akan tetapi juga sekolah agama persendirian khususnya di kawasan bandar. Ini menunjukkan tahap harapan dan keyakinan yang tinggi di kalangan masyarakat terhadap kemampuan sekolah menengah agama untuk memberi sistem pengajaran yang baik dan sempurna.

Namun begitu, kebelakangan ini timbul beberapa isu berhubung dengan akhlak dan disiplin pelajar sekolah menengah agama. Kes-kes seperti buli dan perlanggaran disiplin di sekolah menengah agama kian membimbangkan ibubapa dan masyarakat. Walaupun kes-kes yang berlaku boleh dianggap sebagai terpencil namun persoalan di sini apakah sosialisasi nilai-nilai agama tidak berkesan atau perlu dinilai semula pendekatannya.

Dalam keghairahan yang begitu tinggi di kalangan masyarakat namun secara terperinci belum ada satu kajian yang dapat membuktikan sejauhmana sekolah menengah agama benar-benar mempengaruhi serta membentuk saksiah pelajar. Malah perlu ditegaskan sejauhmana suasana persekitaran sekolah berupaya merangsang minat dan kesungguhan pelajar untuk terus cemerlang

dalam setiap bidang.

Secara spesifik, kajian ini mempunyai objektif seperti berikut:

- i Mengenal pasti proses sosialisasi yang berlaku di kalangan pelajar sekolah agama.
- ii Mengenal pasti sejauh mana pengaruh epistemologi agama terhadap pemikiran dan sikap pelajar
- iii Mengenal pasti persepsi serta sikap tenaga pengajar terhadap pengajaran dan pembelajaran di sekolah

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian yang melibatkan satu tinjauan (*survey*) yang bertujuan untuk menguji orientasi guru, kaedah pengajaran guru, pengamalan murid dan tingkah laku murid di sekolah menengah agama. Satu instrumen akan dibina dan digunakan iaitu borang soal selidik. Borang soal selidik ini dibuat untuk menganalisis persepsi guru terhadap tingkah laku murid-murid sekolah agama yang bersekolah di negeri Selangor.

Sebelum menjalankan penyelidikan sebenar, satu kajian rintis (*pilot study*) telah dilakukan terhadap 45 orang guru yang melibatkan sekolah agama menengah Bandar Baru Salak Tinggi dan beberapa sekolah agama yang berdekatan. Ia bertujuan untuk memastikan instrumen-instrumen yang akan digunakan mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.

Kajian ini mensasarkan sebanyak 600 orang responden yang terdiri daripada guru-guru di sekolah menengah agama di bawah pentadbiran JAIS. Namun begitu, oleh kerana ramai di kalangan para guru yang sibuk dengan tugas masing-masing, hanya 378 borang soal selidik sahaj yang berjaya diperolehi. Kajian ini mengkaji 12 buah sekolah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Sekolah yang dijadikan Sampel Kajian

Bil	Nama Sekolah
1	SAM Sg. Merab Luar, Sepang
2	SAM Hulu Langat Bt. 10, Cheras
3	SAM Hishamudin Jln Tepi Sg Bertik, Klang
4	SAMT Hishamudin Jln Kota Raja, Klang
5	SAM Rawang
6	SAM Bestari, USJ
7	SAMT Tengku Ampuan Jamaah, Shah Alam
8	SAM Nurul Iman, Bukit Cherakah
9	SAM Paya Jaras, Sg. Buluh
10	SAMT Tengku Ampuan Rahimah, Banting
11	SAM Unwanus Saadah, Kanchong Darat, Banting
12	SAM Salak Tinggi, Sepang

Penyelidik telah menghubungi pengetua-pengetua dan penolong kanan sekolah-sekolah agama yang terlibat untuk mendapatkan kebenaran membuat kajian di sekolah mereka. Sebelum itu, satu kebenaran bertulis telah diperolehi daripada JAIS membenarkan kajian ini dilakukan. Sebanyak 600 soal selidik telah diedarkan mengikut bilangan guru di sekolah tersebut. Terdapat sekolah yang mempunyai 22 orang guru sehingga ke sebuah sekolah yang mempunyai hampir 80 orang guru.

Hasil Kajian

Hasil kajian mendapati tahap kebolehkepercayaan soalan adalah baik walaupun soalan mengenai orientasi guru mempunyai nilai alpha yang sederhana. Walau bagaimanapun secara keseluruhannya nilai alpha adalah tinggi dan baik. Kajian ini memberi tumpuan di sekolah-sekolah agama di negeri Selangor khususnya sekolah-sekolah agama yang ditadbir oleh kerajaan negeri.

Berdasarkan Jadual 2, majoriti responden adalah dari SAMT Tengku Ampuan Rahimah, Banting iaitu sebanyak 14.6% daripada keseluruhan responden. Ini diikuti oleh SAM Hishamudin Jln Tepi Sg Bertik, Klang iaitu sebanyak 12.2%, SAMT Hishamudin Jln Kota Raja, Klang sebanyak 11.4% dan SAM Hulu Langat Bt. 10, Cheras sebanyak 10.8 %. Terdapat sekolah yang mempunyai bilangan guru yang sedikit iaitu SAM Sg. Merab Luar, Sepang yang mempunyai hanya 22 orang guru sebagai responden. Ini jelas menunjukkan bilangan responden yang dapat diambil adalah sedikit kerana bilangan guru di sekolah agama adalah sedikit disebabkan bilangan pelajar yang tidak begitu ramai.

Jadual 2: Profil Responden Sekolah-Sekolah Agama di Selangor

Bil	Nama Sekolah	Kekerapan	Peratusan
1	SAM Sg. Merab Luar, Sepang	22	5.8
2	SAM Hulu Langat Bt. 10, Cheras	41	10.8
3	SAM Hishamudin Jln Tepi Sg Bertik, Klang	46	12.2
4	SAMT Hishamudin Jln Kota Raja, Klang	43	11.4
5	SAM Rawang	21	5.6
6	SAM Bestari,USJ	21	5.6
7	SAMT Tengku Ampuan Jamaah, Shah Alam	35	9.3
8	SAM Nurul Iman, Bukit Cherakah	22	5.8
9	SAM Paya Jaras, Sg. Buluh	19	5.0
10	SAMT Tengku Ampuan Rahimah, Banting	55	14.6
11	SAM Unwanus Saadah, Kanchong Darat, Banting	22	5.8
12	SAM Salak Tinggi, Sepang	31	8.2
Jumlah		378	100.0

Jadual yang akan dibincangkan seterusnya adalah melibatkan latarbelakang responden. Latarbelakang responden ini penting memandangkan ia sangat berkaitan dengan tanggapan dan pemerhatian guru dan ini akan memberi kesan kepada hasil kajian yang dilakukan. Berdasarkan Jadual 3, kebanyakan responden berumur antara 30 hingga 39 tahun iaitu sebanyak 37.9% berbanding mereka yang di bawah 29 tahun sebanyak 31% dan 40 tahun ke atas (31.1%). Ini menunjukkan guru-guru di sekolah agama kebanyakannya di bawah 40 tahun dan dinaggap masih muda dan berdedikasi tinggi. Namun begitu guru yang berumur 40 tahun ke atas juga masih ramai dan dapat mencurahkan pengalaman kepada guru lain. Kebanyakan mereka ini menjawat jawatan sebagai pentadbir sekolah iaitu sebagai pengetua ataupun guru penolong kanan atau guru bidang tertentu. Berdasarkan komposisi responden ini maka jawapan kajian ini keseluruhannya berkemungkinan kurang bias.

Jadual 3: Umur Responden

Kategori Umur	Kekerapan	Peratusan
20 tahun – 29 tahun	113	31.0
30 tahun – 39 tahun	138	37.9
40 tahun – 49 tahun	84	23.1
50 tahun ke atas	29	8.0

Selain daripada faktor umur, pengalaman guru juga penting dalam membina dan melahirkan pelajar yang terbilang. Majoriti responden telah mengajar kurang sepuluh tahun iaitu 58.6% berbanding mereka yang berpengalaman lebih 10 tahun (41.2%). Ini menunjukkan keseimbangan pengalaman guru dalam kajian ini kerana peratusannya adalah hampir seimbang. Ini juga menunjukkan guru-guru di sekolah agama juga mempunyai pengalaman mengajar yang lama seperti guru di sekolah-sekolah kebangsaan.

Jadual 4: Pengalaman Responden Mengajar di Sekolah

	Kekerapan	Peratusan
Kurang setahun	20	5.4
Setahun – 9 tahun	197	53.2
10 tahun – 19 tahun	92	24.9
20 tahun – 29 tahun	51	13.8
lebih 30 tahun	10	2.7

Jadual 5 pula menunjukkan guru-guru di sekolah menengah agama majoritinya adalah tahap kelulusan yang tinggi iaitu sarjanamuda dan ke atas termasuk sarjana iaitu 81.7%. Ini disebabkan guru-guru ini mengajar di sekolah menengah. Namun begitu terdapat hanya 18.3% sahaja yang mempunyai diploma dan ke bawah dan ini adalah jumlah yang relatifnya kecil. Ini menunjukkan responden adalah mereka yang berpendidikan tinggi dan respon yang diberikan untuk kajian ini adalah dikatakan berkualiti.

Jadual 5: Tahap Kelulusan Responden

Kelulusan	Kekerapan	Peratusan
SPM dan ke bawah	8	2.1
Diploma/STPM	61	16.2
Sarjanamuda	290	76.9
Sarjana dan ke atas	18	4.8

Dalam aspek latarbelakang pendidikan yang lain yang tidak kurang pentingnya ialah samada mereka mendapat pendidikan di timur tengah atau tidak. Daripada Jadual 5.7 mendapat sebanyak 18.3% daripada responden mempunyai latarbelakang pendidikan di timur tengah dan ini menunjukkan guru-guru di sekolah agama mempunyai pelbagai latarbelakang pendidikan terutamanya pengalaman dan orientasi pendidikan yang mereka ikuti sebelum ini. Orientasi pendidikan di timur tengah adalah satu latarbelakang yang baik dan sangat berguna untuk

seseorang guru mengajar di sekolah agama terutamanya dalam mengajar subjek bahasa arab dan subjek-subjek lain dalam bahasa arab.

Jadual 6: Orientasi Pendidikan Responden

	Kekerapan	Peratusan
Mendapat pendidikan di Timur Tengah		
Ya	69	18.3
Tidak	308	81.7
Latihan Perguruan		
Maktab perguruan	226	60.1
Kursus perguruan universiti	97	25.8
GSTT	52	13.8

Daripada Jadual 6 didapati sebanyak 60.1% responden mendapat latihan perguruan daripada maktab perguruan berbanding kursus perguruan universiti sebanyak 25.8% dan akhirnya GSTT sebanyak 13.8%. Ini menunjukkan hampir 86% responden adalah guru yang terlatih dalam bidang pendidikan. Implikasinya respon yang diberikan dalam kajian ini secara umumnya boleh diterima baik kerana majoritinya adalah guru terlatih dan latarbelakang orientasi pendidikan yang pelbagai.

Rumusan hasil kajian yang akan dibincangkan adalah boleh diterima dengan keyakinan yang tinggi berdasarkan latarbelakang responden yang boleh dikatakan guru dan pendidik yang tulen, mempunyai latarbelakang yang pelbagai mengikut umur, kelulusan, orientasi pendidikan dan sebagainya. Seterusnya kajian ini akan membincangkan secara diskriptif pandangan guru sekolah agama terhadap pelajar di sekolah agama.

Bahagian seterusnya membincangkan secara deskriptif empat perkara utama iaitu aspek sosialisasi guru iaitu melihat kepada orientasi dan latarbelakang pemikiran guru yang merintis kepada sosialisasi seseorang guru. Seterusnya aspek kedua yang dilihat ialah pengajaran guru itu sendiri sejauhmanakah orientasi guru tersebut memberi kesan kepada aspek pengajaran guru tersebut di kelas. Aspek ketiga yang penting adalah pandangan guru tersebut terhadap pemahaman dan pengamalan murid di sekolah menengah agama dalam tindakan murid di sekolah. Kesemua aspek ini penting untuk melihat sejaumanakah aspek sosialisasi pelajar-pelajar sekolah agama berjaya mengikut acuan pendidikan agama dan ia sebenarnya bermula daripada orientasi dan kaedah pengajaran guru di sekolah agama. Perlu dinyatakan di sini guru yang terlibat adalah guru-guru daripada latarbelakang pengajaran subjek yang berbeza.

Jadual 7 : Orientasi Guru

Bil	Item	Min
P01	Pengalaman saya di Universiti atau di Institusi Perguruan banyak membantu dalam pengajaran	4.27
P02	Sekolah Agama merupakan institusi pendidikan yang mendokong sistem integrasi ilmu duniawi dan ukhrawi	4.66
P03	Jika diberi pilihan, saya akan terus mengajar di sekolah agama	4.68
P04	Pendidikan sekadar menyediakan pelajar dengan kemahiran bagi keperluan pasaran kerja	2.76
P05	Ibubapa sekolah ini begitu kuat memberi sokongan ke arah peningkatan sahsiah dan kualiti akademik para pelajar	3.81
P06	Ilmu dalam Islam tidak membezakan antara fardhu ain dan fardhu kifayah	3.63
P07	Corak pentadbiran sekolah ini membantu membentuk sahsiah pelajar	4.02
P08	Prasarana sekolah ini baik dan mendorong motivasi guru	3.49
P09	Ceramah dan seminar yang pernah saya hadiri membantu dalam meningkatkan kefahaman ilmu dan Islam	4.18
P10	Islam Hadhari mendokong kepada peningkatan budaya ilmu	3.85
P11	Pergaulan dengan bangsa lain perlu untuk meningkatkan ilmu dan bertukar-tukar pandangan	4.22
P12	Konsep pendidikan dalam Islam tidak mampu membentuk generasi berilmu dan berakhhlak	1.63
P13	Saya benar-benar tidak memahami falsafah pendidikan dalam Islam	1.91
Purata		4.04*

Nota : * termasuk pernyataan yang dinyatakan secara negatif yang telah dikod semula

Jadual 7 menunjukkan orientasi dan kefahaman terhadap konsep pendidikan guru-guru sekolah agama. Nilai purata skor jawapan responden yang didapati menyokong hipotesis kajian ini. Bagi pernyataan yang negatif, nilai purata skor yang dijangkakan adalah bernilai kurang daripada 3 dan bagi nilai pernyataan yang positif, nilai purata skor yang dijangkakan adalah melebihi nilai 3. Bagi kebanyakkan pernyataan yang positif, nilai purata skor 3.49 sehingga ke nilai maksimum 4.68. Bagi soalan P03, iaitu jika diberi pilihan terhadap guru, mereka akan terus mengajar di sekolah agama menunjukkan nilai skor yang tertinggi iaitu bernilai 3.68. Ini menunjukkan secara umumnya kebanyakan guru amat berminat mengajar di sekolah agama walaupun mereka sebenarnya bukan berlatarbelakangkan pendidikan agama. Ini berkemungkinan disebabkan pelbagai faktor tarikan sekolah agama seperti disiplin yang baik, pelajar yang cemerlang dan sebaginya. Ini akan dibincangkan dalam aspek tingkah laku pelajar. Nilai purata skor yang tinggi iaitu bernilai 3.66 juga ditunjukkan pada soalan P02. Ini menunjukkan hampir kesemua guru bersetuju sekolah agama mementingkan pendidikan duniawi dan ukhrawi dan keseimbangan inilah antara faktor yang menyebabkan pendidikan sekolah agama berjaya melahirkan insan yang seimbang seiring dengan kehendak Islam kejayaan di dunia dan akhirat. Oleh itu tidak hairanlah pelajar sekolah agama bukan sahaja baik daripada segi akhlaknya malah berjaya daripada segi pencapaian akademik.

Bagi jawapan pernyataan negatif pula, jika dilihat soalan P12 dan P13 mendapati nilai purata skor yang terendah iaitu masing-masing bernilai 1.63 dan 1.91 menunjukkan guru di sekolah agama bersetuju bahawa pendidikan Islam mampu membentuk generasi manusia yang berilmu dan berakhhlak mulia dan mereka tidak bersetuju mereka sebagai guru tidak memahami falsafah pendidikan Islam. Perlu diingatkan ramai guru yang mengajar di sekolah agama adalah dari

mereka yang bukan mendapat latarbelakang pendidikan agama tetapi respon yang diberikan menunjukkan mereka secara tersendiri dan semulajadi memahami konsep pendidikan Islam di sekolah agama kesan daripada proses sosialisasi antara ustaz dan ustazah dengan guru-guru yang bukan latarbelakang pendidikan Islam. Kajian ini jelas menunjukkan proses sosialisasi berjaya menyemai konsep dan falsafah pendidikan Islam di sekolah agama.

Jadual 8 : Kaedah pengajaran guru

Bil	Item	Min
PP01	Persedian mengajar bukan penentu utama kefahaman pelajar	2.64
PP02	Penampilan guru tidak mempengaruhi keberkesanan pembelajaran murid	2.31
PP03	Kandungan teks subjek yang diajar mencapai objektif silibus	3.79
PP04	Kandungan teks menarik dan mudah difahami pelajar	3.75
PP05	Buku teks banyak menyediakan contoh-contoh yang bersifat tempatan dan terkini	3.72
PP06	Saya jarang memberikan contoh-contoh terkini semasa pengajaran	2.21
PP07	Ada sebilangan guru yang tidak menghiraukan sama ada murid memahami atau tidak apa yang diajar	2.92
PP08	Saya jarang menggunakan alat bantu mengajar	3.08
PP09	Saya sentiasa membantu murid yang bermasalah dalam pembelajaran	2.77
PP10	Guru sentiasa mengaplikasi set induksi sebelum pengajaran	3.82
PP11	Saya tidak mengamalkan interaksi yang berkesan dengan murid-murid ketika pengajaran.	2.21
PP12	Pembelajaran berkumpulan kurang berkesan diamalkan dalam kelas	2.49
PP13	Memotivasi dan memberi layanan yang adil kepada semua pelajar tidak menjadi keutamaan dalam pengajaran	2.15
PP14	Saya yakin pelajar sekolah ini mampu berinteraksi dengan pelajar bukan Islam	3.95
Purata		3.55*

Nota : * termasuk pernyataan yang dinyatakan secara negatif yang telah dikod semula

Jadual 8 menunjukkan respon guru-guru di sekolah agama dalam aspek pengajaran di dalam kelas mahupun di luar kelas. Nilai purata skor didapati lebih terarah kepada purata nilai 3. Tiada satupun nilai pernyataan negatif bernilai melebihi 4. Pernyataan negatif pula tiada satupun mendapat di bawah nilai 2 (0-1.99). Secara umumnya ini menunjukkan kaedah pengajaran guru di sekolah agama masih perlu dipertingkatkan dan diperbaiki lagi. Nilai purata skor yang tertinggi ialah 3.95 iaitu soalan PP14 dan nilai terendah ialah soalan PP13 iaitu bernilai 2.15. Hasil respon guru juga mendapati mereka juga membuat persediaan dan menggunakan set induksi serta alat bantu dalam pengajaran mereka. Walaupun nilai purata skor yang rendah, namun kajian ini berpendapat guru dan pelajar di sekolah agama sama-sama mempunyai motivasi yang tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran. Kesannya guru tidak perlu bersusah payah menerangkan kepada pelajar dengan mendalam kerana pelajar di sekolah agama sendiri sebenarnya yang akan berusaha dengan sendirinya kerana mereka sangat menghargai ilmu. Pelajar-pelajar ini bukan sahaja mendapat tunjukajar daripada guru, malah mereka juga akan berusaha dengan cara mereka sendiri seperti mewujudkan kumpulan belajar berkumpulan, kerap bertanya kepada guru dan sebagainya.

Jadual 9: Tingkahlaku Murid

Bil	Item	Min
M01	Ramai di kalangan murid sekolah ini yang tidak menghormati guru	2.43
M02	Disiplin pelajar sekolah ini semakin merosot	2.61
M03	Tingkah laku, etika dan adab pelajar semakin teruk	2.63
M04	Pelajar sekolah ini sukar menerima dan tidak menghiraukan teguran guru	2.50
M05	Pelajar sekolah ini tidak gemar membantu guru dan rakan-rakan mereka	2.51
M06	pelajar sekolah ini terlalu bersikap pentingkan diri sendiri	2.47
M07	Pergaulan pelajar lelaki dan perempuan sekolah ini agak bebas	2.36
M08	Sekolah ini terlalu mengongkong pergaulan antara jantina	2.45
M09	Murid-murid sekolah ini begitu pasif dalam sesi pembelajaran	2.53
M10	Gejala moral, buli, gangsterism, mencuri, vandalisme semakin meningkat di sekolah ini	2.15
M11	Wujudnya jurang interaksi dan pergaulan di antara peringkat umur di kalangan murid sekolah ini	2.58
M12	Pakaian murid sekolah ini terpengaruh dengan fesyen semasa yang kurang sopan	2.31
M13	Prestasi akademik sekolah ini adalah lebih baik dari sekolah menengah kebangsaan	4.06
M14	Pelajar-pelajar sekolah ini berani mengemukakan soalan ketika sesi pembelajaran	3.78
M15	Pelajar-pelajar sekolah ini begitu yakin memberi pandangan ketika sesi pembelajaran	3.61
M16	Prestasi akhlak pelajar sekolah ini lebih baik dari sekolah menengah kebangsaan	4.22
Purata		3.63*

Nota : * termasuk pernyataan yang dinyatakan secara negatif yang telah dikod semula

Jadual 9 pula menunjukkan tingkahlaku murid sekolah agama daripada persepsi guru di sekolah tersebut. Kajian ini mendapati secara umumnya guru-guru bersetuju tahap pencapaian akhlak dan akademik pelajar di sekolah agama adalah baik. Berdasarkan soalan M13 dan M14, nilai purata skor masing-masing adalah 4.06 dan 4.22 menunjukkan secara umumnya akhlak dan prestasi akademik pelajar adalah baik. Bagi jawapan soalan-soalan yang memerlukan jawapan negatif juga menunjukkan purata skor yang diberi adalah kurang daripada nilai 3 yang menunjukkan guru-guru tidak bersetuju wujudnya budaya negatif di sekolah agama. Ini menyokong hipotesis awal yang menunjukkan pelajar di sekolah agama mempunyai akhlak dan budi pekerti yang mulia.

Jadual 10: Pengamalan Murid

Bil	Item	Min
E01	Pelajar gagal membezakan antara ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah	2.58
E02	Pelajar hanya menutup aurat kerana takutkan peraturan sekolah	2.74
E03	Wujud kecenderungan pelajar membuli pelajar lain di sekolah ini	2.56
E04	Pelajar sekolah ini suka bergurau secara kasar dan merbahaya	2.34
E05	Pelajar sekolah ini suka melakukan vandalisme seperti menconteng, mengotori tandas, telefon awam dan mencuri	2.47
E06	Terdapat sebahagian pelajar yang bercinta dan berdua-duan (couple) di kawasan sekolah	2.76
E07	Pelajar gagal mematuhi etika Islam ketika makan seperti berebut-rebut ketika membeli makanan di kantin sekolah	2.57
E08	Ada pelajar yang membazir makanan dan membuang makanan merata-rata	2.62
E09	Pelajar suka berebut-rebut ketika menaiki bas	2.53
E10	Ada pelajar yang tidak menunaikan solat atau ponteng ketika amali solat	2.75
E11	Ada pelajar yang membuat bising dan mengganggu pelajar lain bersolat ketika dalam surau	2.74
E12	Pelajar sekolah ini bercakap secara tidak sopan dengan guru dan kakitangan sekolah	2.35
E13	Pelajar lebih mengutamakan pencapaian akademik berbanding pembentukkan sahsiah mulia	2.91
E14	Pelajar sekolah ini akan menyerahkan wang atau apa-apa barang yang ditemui di kawasan sekolah kepada guru	3.90
E15	Pelajar memberi salam ketika berjumpa guru atau rakan	4.25
E16	Ada pelajar yang suka mengejek dan memanggil kawan dengan panggilan yang buruk	3.16
E17	Para pelajar sekolah ini bergiat dengan aktif dalam aktiviti bersukan dan kokurikulum	4.10
E18	Pelajar sekolah ini begitu peka dengan isu-isu semasa	3.53
E19	Pelajar sekolah ini mempunyai daya saing yang tinggi untuk cemerlang dalam akademik	3.98
E20	Pelajar sekolah ini mempunyai semangat mencuba yang tinggi	3.94
Purata		3.52*

Nota : * termasuk pernyataan yang dinyatakan secara negatif yang telah dikod semula

Jadual 10 mununjukkan pengamalan dan kefahaman murid dalam aspek agama Islam. Ia juga mempunyai pertalian dengan Jadual 5.12 iaitu proses sosialisasi antara pelajar dengan pelajar yang lain. Hasil kajian menunjukkan pelajar memberi salam kepada guru dan rakan serta mudah bersosial dengan melibatkan diri dengan aktiviti luar kelas seperti bersukan, kadet dan sebagainya. Jawapan bagi persoalan negatif pelajar juga dalam nilai purata skor yang rendah menunjukkan proses sosialisasi pelajar adalah baik dan di masa yang sama mempunyai akhlak yang tinggi.

Perbincangan dan Rumusan

Kajian ini bertujuan meneliti persepsi guru atau pengajar sekolah agama terhadap corak sosialisasi di kalangan para pelajar sekolah agama khususnya di negeri Selangor. Terdapat empat tumpuan utama kajian iaitu melihat orientasi dan latarbelakang pemikiran guru yang mungkin mempengaruhi proses sosialisasi pelajar. Aspek kedua yang dilihat ialah pengajaran guru itu sendiri sejaumanakah orientasi guru tersebut memberi kesan kepada aspek pengajaran guru tersebut di kelas. Aspek ketiga adalah pandangan guru terhadap amalan dan tingkah laku murid di sekolah. Kesemua aspek ini penting untuk melihat sejaumanakah aspek sosialisasi pelajar-pelajar sekolah agama berjaya mengikut acuan pendidikan agama

Aspek sosialisasi pelajar sekolah agama sebenarnya bermula daripada orientasi dan kaedah pengajaran guru di sekolah agama. Keputusan kajian ini menyokong hipotesis kajian iaitu kebanyakan guru amat berminat mengajar di sekolah agama walaupun mereka sebenarnya bukan berlatar belakangkan pendidikan agama. Ini berkemungkinan disebabkan pelbagai faktor tarikan sekolah agama seperti disiplin pelajar yang baik, pelajar yang cemerlang dan sebaginya. Hampir kesemua guru bersetuju sekolah agama mementingkan pendidikan seimbang antara duniaawi dan ukhwawi dan keseimbangan inilah antara faktor yang menyebabkan pendidikan sekolah agama berjaya melahirkan insan yang seimbang seiring dengan kehendak Islam. Oleh itu tidak hairanlah pelajar sekolah agama bukan sahaja baik daripada segi akhlaknya malah berjaya daripada segi pencapaian akademik. Walaupun ramai guru yang mengajar di sekolah agama adalah dari mereka yang bukan berlatarbelakangkan pendidikan agama tetapi respon yang diberikan menunjukkan mereka memahami falsafah pendidikan Islam, mungkin kerana kesan dari proses sosialisasi mereka dengan ustaz dan ustazah. Ini jelas menunjukkan proses sosialisasi berjaya menyemai konsep dan falsafah pendidikan Islam di sekolah agama.

Dari segi persepsi guru sekolah agama dalam aspek pengajaran di dalam kelas mahupun di luar kelas menunjukkan kebanyakan mereka berpendapat kaedah pengajaran di sekolah agama masih perlu dipertingkatkan misalnya membuat persediaan dan menggunakan set induksi serta alat bantu dalam pengajaran mereka perlu dipertingkatkan. Kajian ini juga mendapat tahap motivasi guru dan pelajar di sekolah agama dalam pengajaran dan pembelajaran adalah tinggi walaupun dalam keadaan persekitaran fizikal yang agak daif berbanding sekolah tajaan kementerian pelajaran. Kesannya guru tidak perlu bersusah payah menerangkan kepada pelajar dengan mendalam kerana pelajar sendiri sebenarnya berusaha gigih kerana mereka sangat menghargai ilmu. Pelajar-pelajar ini bukan sahaja mendapat tunjuk ajar daripada guru, malah mereka juga akan berusaha dengan cara mereka sendiri seperti mewujudkan kumpulan belajar berkumpulan, kerap bertanya kepada guru dan sebagainya.

Salah satu indikator kesan sosialisasi sekolah agama ialah dengan melihat aspek tingkah laku dan amalan murid sehari-hari di sekolah. Kajian ini telah meninjau tingkah laku murid sekolah agama daripada persepsi guru di sekolah tersebut. Kajian ini mendapat secara umumnya guru-guru bersetuju tahap pencapaian akhlak dan akademik pelajar di sekolah agama adalah baik. Berdasarkan nilai purata skor persepsi terhadap akhlak dan amalan murid menunjukkan secara umumnya guru melihat akhlak dan prestasi akademik pelajar adalah baik. Bagi soalan-soalan yang memerlukan jawapan negatif juga menunjukkan keputusan adalah konsisten yang menunjukkan guru-guru tidak bersetuju wujudnya budaya negatif di sekolah agama. Ini menyokong hipotesis awal yang meramalkan pelajar di sekolah agama mempunyai akhlak dan budi pekerti yang mulia.

Implikasi Kajian

Hasil daripada kajian ini telah menemui bahawa tahap sosialisasi pelajar sekolah adalah baik, sekaligus mencerminkan bahawa sekolah agama adalah berkesan dan sangat relevan dalam melahirkan pelajar yang cemerlang dari aspek moral dan akademik. Kajian juga mendapat terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi sosialisasi pelajar sekolah agama. Pertama, orientasi pemikiran guru dan pihak sekolah. Kedua, penekanan seimbang antara ilmu dunia dan akhirat dan ketiga budaya persekolahan agama yang bersifat praktikal iaitu mementingkan teori dan amalan dari segi akhlak dan saksiah. Kesemua faktor di atas mewarnai sosialisasi mereka. Tahap disiplin

yang tinggi serta motivasi tinggi dalam penghayatan ilmu menjadikan pelajar sekolah agama dilihat sebagai pelajar yang baik. Bagaimanapun masih terdapat ruang-ruang kelemahan pada sekolah-sekolah agama misalnya perlu memastikan kaedah pengajaran guru dipertingkatkan untuk memastikan pencapaian sahsiah dan akademik murid di sekolah agama adalah tinggi melebihi tahap pencapaian murid di sekolah kebangsaan.

Kesimpulan

Ringkasnya, kajian ini telah memperlihatkan bahawa wujud kesan sosialisasi agama kepada murid-murid sekolah agama yang dikaji. Bagaimanapun keputusan kajian ini masih terlalu awal untuk mengesahkan bahawa tahap sosialisasi pelajar agama adalah baik. Ini kerana terdapat beberapa faktor yang perlu dipertimbangkan sebelum mengeneralisasikan keputusan kajian ini. Pertama, kelemahan utama kajian ini ialah hanya melihat tahap sosialisasi hanya dari perspektif guru sekolah yang berkenaan, oleh itu ia mungkin bias. Untuk itu ia perlu dilihat dalam perspektif yang lebih luas seperti mengambil kira persepsi golongan lain seperti masyarakat umum dan ibubapa. Selain itu kelemahan kedua kajian ini ialah perlu satu kajian perbandingan antara sekolah agama dan sekolah kebangsaan. Melalui kajian perbandingan tersebut maka pengesahan yang hakiki boleh dibuat samada aspek orientasi agama yang ditekankan di sekolah agama memang berjaya melahirkan pelajar yang cemerlang kedua-dua aspek rohani dan akademik.

Rujukan

- Rao,C.N.S.(2006). *Sociology:Principles of sociology with an introduction to social thought*. New Delhi: S.Chand & Company Ltd.
- Shamsul Amri,B.(Ed.)(2001). *Pembentukan identiti: Sebuah wacana*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Robert K.Merton. (1968). *Social theory and social structure*. New York: Free Press.

JAFFARY AWANG, ROZMI ISMAIL, KAMARUDDIN SALLEH & HAIRUNNIZAM WAHID, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.